



KERTAS KONSULTASI AWAM BAGI BAJET 2023

PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN

24 OGOS 2022 | RABU

KERTAS KONSULTASI AWAM

PENAMBAHBAIKAN DASAR PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN

Kertas Konsultasi Awam (KKA) yang diterbitkan ini merupakan salah satu langkah di dalam proses penyediaan Bajet 2023. Salinan kertas konsultasi ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Kementerian Kewangan <https://budget.mof.gov.my/bajet2023/kertaskonsultasi/>

Kementerian Kewangan menjemput semua pihak mengemukakan maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi ini pada atau sebelum jam 5.00 petang 12 September 2022 melalui <https://forms.gle/z2jiFPAYYQk6vEFSA>

Maklum balas yang diterima akan digunakan sebagai input bagi tujuan penambahbaikan kepada dasar perolehan hijau Kerajaan. Maklumat berkaitan data persendirian seperti nama tidak akan didedahkan jika dinyatakan secara jelas di dalam maklum balas,

Soalan dan keperluan maklumat lanjut boleh dikemukakan melaui emel zaityzalina@mof.gov.my atau taufiq.mustafa@mof.gov.my

Bahagian Perolehan Kerajaan
Kementerian Kewangan

24 Ogos 2022

ISI KANDUNGAN

| NO. | PERKARA | M/SURAT |
|-----|-------------------------|---------|
| 1. | OBJEKTIF | 3 |
| 2. | LATAR BELAKANG | 4 |
| 3. | ISU BERBANGKIT | 6 |
| 4. | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN | 8 |
| 5. | JANGKAAN IMPAK | 10 |
| 6. | RUMUSAN | 11 |
| 7. | SOALAN DAN MAKLUM BALAS | 11 |

1. OBJEKTIF

- 1.1. Kertas konsultasi ini menggariskan cadangan penambahbaikan ke atas dasar perolehan Kerajaan yang merangkumi dua perkara berikut:
 - i. Menggalakkan Perolehan Hijau Kerajaan atau *Government Green Procurement* (GGP) tidak terhad kepada kumpulan produk dan perkhidmatan yang telah disenaraikan dalam Garis Panduan Perolehan Hijau 3.0 (GGP 3.0) tetapi turut menerapkan inisiatif hijau dalam pelaksanaan perolehan kerja Kerajaan melalui **penguatkuasaan Pekeliling Perolehan Hijau Kerajaan**; dan
 - ii. **Pemerkasaan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan** bagi:
 - a. Menyokong salah satu daripada matlamat *Agenda for Sustainable Development 2030 (2030 Agenda)* iaitu Goal 12: *Responsible Consumption and Production - Tanggungjawab Kepenggunaan dan Penghasilan*;
 - b. Menyokong matlamat Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12): Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan dalam menjadikan sektor pembinaan dan pembuatan lebih mesra alam di bawah bidang keutamaan Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti. Amalan pembinaan hijau akan menambah baik kecekapan penggunaan sumber serta kos dan meningkatkan nilai tambah pada sektor pembangunan, manakala sektor pembuatan digalak untuk beralih kepada barang lebar tahan lama dan cekap sumber yang boleh dibaiiki, diguna dan dikitar semula; dan
 - c. Menyokong strategi mempertingkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana, menerima guna ekonomi kitaran, mengarus perdana prinsip *Sustainable Development Goals*

(SDG) dan memberi tumpuan kepada alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam membuat keputusan pelaburan dan perkongsian tanggungjawab untuk menuju negara rendah karbon serta mencapai aspirasi pembangunan dan kesejahteraan yang holistik; dan

- d. Menggalakkan inovasi dan kreativiti perusahaan dalam menghasilkan reka bentuk dan pengeluaran produk atau perkhidmatan yang dapat mengurangkan impak kepada kualiti alam sekitar.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Pelaksanaan GGP telah diperkenalkan sejak tahun 2013 bertujuan untuk menggalakkan dan membudayakan pembelian produk hijau dalam sektor awam bagi menyokong Dasar Teknologi Hijau Negara. GGP merupakan satu instrumen untuk mencapai aspirasi Kerajaan ke arah pembangunan hidup mampan serta sebagai pemangkin kepada sektor swasta untuk mencontohi usaha Kerajaan dalam perolehan hijau.
- 2.2. GGP merujuk kepada perolehan produk, perkhidmatan dan kerja di sektor awam yang mengambil kira kriteria dan standard untuk memulihara alam sekitar dan sumber semula jadi. Secara tidak langsung ia dapat meminimum atau mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan semula jadi yang berpunca daripada aktiviti manusia.
- 2.3. Pelaksanaan GGP pada awalnya melibatkan lima (5) Kementerian rintis bermula pada tahun 2013. Pada 6 April 2016, Kementerian Kewangan (MOF) telah mengeluarkan surat arahan agar pelaksanaan GGP diperluas kepada 12 Kementerian dan Agensi di bawahnya. Seterusnya pada 6 Januari 2017 arahan telah dikeluarkan agar semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan melaksanakan GGP. Arahan ini telah diperkuuh melalui penguatkuasaan Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 1.1/Perenggan 6(ix) yang menetapkan

pelaksanaan GGP, antaranya seperti berikut:

- i. Agensi Kerajaan hendaklah meningkatkan pemahaman dan pengetahuan pegawai terhadap inisiatif hijau selaras dengan perkembangan semasa; dan
 - ii. Agensi perlu bertindak secara proaktif dengan melaksanakan inisiatif hijau dan perkara lain yang berkaitan seperti penggunaan tenaga dan sumber secara efisien, pengamalan konsep *Life Cycle Costing*, Pengurusan Nilai dan sebagainya.
- 2.4. Kerajaan juga telah menyatakan komitmen Malaysia untuk mengurangkan tahap pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak 45% berbanding KDNK menjelang tahun 2030 semasa persidangan *United Nations Framework Convention on Climate Change* pada Disember 2015 di Paris. Usaha ke arah pengurangan pelepasan GHG tersebut selaras dengan kriteria pencapaian Dasar Teknologi Hijau Negara. Selain daripada itu, Kerajaan turut mengiktiraf kepentingan konsep Penggunaan dan Pengeluaran Mampan (*Sustainable Consumption & Production - SCP*) yang mana GGP merupakan salah satu inisiatif bagi menggalakkan permintaan terhadap teknologi hijau dalam penyediaan produk dan perkhidmatan hijau sebagai pilihan utama dalam perolehan sektor awam.
- 2.5. Pemantauan dan pelaporan GGP adalah di bawah kawal selia *Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) agensi di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Kementerian Kewangan (MOF) berperanan sebagai penyelaras GGP di bawah Program MyHIJAU sepertimana yang diputuskan Mesyuarat Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Oktober 2012. Berikutan itu, Jawatankuasa Pemandu Perolehan Hijau Kerajaan (GGPSC) yang dipengerusikan bersama oleh MOF dan KASA telah ditubuhkan.

2.6. Pencapaian pelaksanaan GGP berdasarkan laporan pihak MGTC adalah seperti berikut:

- i. Purata bahagian GGP daripada perolehan Kerajaan bagi kategori produk dan perkhidmatan hijau terpilih adalah 20.7% bagi tempoh 2016 hingga 2019 melepas sasaran 20% yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas.
- ii. Dalam meningkatkan kelestarian alam sekitar, Malaysia telah mencatatkan pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK sebanyak 29.4% pada akhir tahun 2016 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.
- iii. Nilai GGP dalam perolehan Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2019 adalah berjumlah RM1.811 bilion.

| Tahun | Nilai GGP (RM juta) |
|-------------|---------------------|
| 2013 – 2015 | 352.1 |
| 2016 | 137.7 |
| 2017 | 286.3 |
| 2018 | 128.3 |
| 2019 | 290.1 |
| 2020 | 616.7 |

3. ISU BERBANGKIT

3.1. Berdasarkan Mesyuarat GGPSC yang diadakan pada 28 Januari 2022, antara isu pelaksanaan GGP yang telah dikenal pasti sepanjang pelaksanaan adalah seperti berikut:

- i. Kekurangan maklumat dan pemahaman terhadap GGP semasa proses kelulusan pelantikan syarikat/ kontraktor dan penganugerahan tender/ sebut harga yang memenuhi kriteria GGP. Kekangan ini menjadikan proses peluasan pelaksanaan GGP di

agensi Kerajaan Persekutuan tidak berjalan dengan tepat dan lancar. Program pembangunan kapasiti dan kesedaran umum perlu sentiasa dilaksanakan bagi menyampaikan maklumat dan meningkatkan kefahaman dalam kalangan penjawat awam yang melaksanakan proses perolehan;

- ii. Pemilihan pembekal berdasarkan kepada penawaran tawaran harga yang menguntungkan Kerajaan atau yang terendah masih menjadi keutamaan tanpa mengambil kira elemen GGP. Dalam hal ini, analisa kos kitaran hayat hampir tidak dijadikan sebagai salah satu kriteria pemarkahan semasa proses perolehan dilaksanakan. Antara faktor yang sering menjadi kekangan adalah keupayaan sumber peruntukan kewangan yang terhad;
- iii. Kesukaran untuk mendapatkan pembida yang mematuhi kriteria GGP yang ditetapkan dalam keperluan perolehan atau berdaftar dengan Skim Pengiktirafan MyHIJAU Mark. Antara contoh kumpulan produk atau perkhidmatan yang sukar untuk mematuhi kriteria yang ditetapkan adalah seperti tekstil, perkhidmatan bengkel automotif, perkhidmatan dobi, perabot berasaskan kayu dan sistem penuaian air hujan; dan
- iv. Tawaran harga bidaan yang tinggi bagi bekalan sesuatu produk atau perkhidmatan yang mematuhi kriteria GGP sehingga ada yang mencapai 100% perbezaan harga berbanding dengan tawaran harga bidaan daripada pembekal yang tidak membekalkan produk atau perkhidmatan mesra alam. Antara contoh kumpulan produk atau perkhidmatan yang berkenaan adalah kenderaan elektrik, produk pembungkusan serta perabot berasaskan keluli, besi dan plastik.

4. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Penguatkuasaan Pekeliling Perolehan Hijau Kerajaan

- 4.1. Penguatkuasaan GGP semasa adalah berdasarkan kepada Perenggan 6(ix): Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan, yang terkandung di bawah Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 1.1: Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan.
- 4.2. Bagi memperkuuh pelaksanaan GGP dalam kalangan agensi Kerajaan Persekutuan, penguatkuasaan GGP akan dibuat melalui satu PP/PK khusus yang akan disediakan. PP/PK tersebut dicadang untuk turut merangkumi peranan agensi dalam memastikan pelaksanaan GGP menjadi keutamaan di peringkat Kementerian dan Jabatan serta dibuat secara teratur. Perolehan kumpulan produk dan perkhidmatan terpilih seperti yang disenaraikan dalam GGP 3.0 perlu dilihat bukan sekadar untuk memberi nilai faedah dalam jangka masa yang singkat tetapi memberi impak kepada kelestarian dalam jangka masa panjang.
- 4.3. Melalui penguatkuasaan PP/PK khusus bagi GGP ini, Agensi akan disyaratkan untuk merancang dan mengenal pasti pelaksanaan GGP bermula dari peringkat penyediaan Perancangan Perolehan Tahunan (PPT).

Pemerkasaan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan

- 4.4. Manfaat pelaksanaan GGP tidak harus dilihat terhad kepada aspek pemuliharaan alam sekitar sahaja malah turut merangkumi aspek ekonomi serta sosial. Selain menyumbang kepada pemuliharaan alam sekitar, galakan penggunaan produk atau perkhidmatan hijau dalam Kerajaan mampu menggalakkan pertumbuhan industri tempatan untuk mengeluarkan produk hijau berasaskan permintaan. Seterusnya usaha ini dapat membudayakan penggunaan dan pengeluaran lestari.

4.5. Bagi memperkasakan pelaksanaan GGP, langkah berikut menjadi keutamaan:

- i. Menguji garis panduan pelaksanaan GGP bagi perolehan kerja yang telah dibangunkan melalui projek rintis sebelum diadaptasi sepenuhnya dalam perolehan kerja Kerajaan. Usaha ini dijangka dapat menambah baik kecekapan penggunaan sumber serta kos dan seterusnya meningkatkan nilai tambah pada sektor pembangunan. Usaha yang diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama teknikal daripada Kerajaan Jerman ini merupakan salah satu inisiatif di bawah projek *Scalling SCP* yang sedang dilaksanakan.

- ii. Menggalakkan penerapan elemen lestari dalam projek pembangunan Kerajaan melalui pematuhan piawaian penarafan yang dibangunkan oleh JKR iaitu sistem Penarafan Hijau JKR (pHJKR). Sistem penarafan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2016 ini berupaya untuk mengukur tahap kelestarian projek di bawah kategori bangunan dan jalan. Agensi yang mendapat pengecualian untuk melaksanakan projek bagi dua kategori berkenaan tanpa bantuan teknikal daripada JKR digalakkan untuk mengguna pakai piawaian penarafan pHJKR. Penilaian ke atas penarafan tersebut akan dibuat pada fasa reka bentuk untuk memastikan bangunan atau jalan yang terbina dapat mencapai piawaian yang telah ditetapkan. Sehingga kini sebanyak 78 projek telah mendapat penarafan pHJKR yang dinilai di peringkat reka bentuk dengan nilai keseluruhan berjumlah RM13.46 bilion, seperti berikut:

| <i>Kategori</i> | <i>Bilangan Projek</i> | <i>Nilai Projek (RM juta)</i> |
|------------------------|-------------------------------|--------------------------------------|
| Bangunan | 36 | 4,189.18 |
| Jalan | 42 | 9,270.32 |

- iii. Pelaksanaan perolehan 100% bekalan daripada beberapa kumpulan produk terpilih yang disenaraikan dalam GGP 3.0 oleh agensi kerajaan pada tahun 2023, misalnya peralatan ICT, lampu dalaman, kertas putih, pencetak serbaguna dan penyaman udara. Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun juga digalakkan untuk mengguna pakai kumpulan produk dan perkhidmatan yang tersenarai dalam GGP 3.0 bagi perolehan kerja untuk projek pembinaan dan pengubahsuaian yang akan dilaksanakan.
- 4.6. Pelaksanaan GGP berdasarkan arahan yang dikeluarkan pada tahun 2017 hanya merangkumi semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan. Di bawah RMKe-12, inisiatif GGP turut disasar untuk diperluas dan diterima pakai sehingga ke peringkat Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

5. JANGKAAN IMPAK

- 5.1. Pasaran hijau akan meluas dengan peningkatan permintaan produk, perkhidmatan dan teknologi hijau dalam kalangan sektor awam. Secara tidak langsung galakan pelaksanaan GGP dapat membuka ruang bagi sektor swasta mengembangkan perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan produk atau perkhidmatan mesra alam dan mampu mengurangkan impak kepada alam sekitar. Dalam hal ini, industri tempatan akan terdorong untuk mengguna pakai label hijau yang diiktiraf dalam menghasilkan produk hijau baharu.
- 5.2. Pelaksanaan GGP bagi kumpulan produk dan perkhidmatan terpilih akan diperkuuh dalam kalangan agensi Kerajaan Persekutuan melalui penguatkuasaan PP/PK khusus bagi GGP, dan dalam masa yang sama inisiatif ini akan diperluas kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Usaha ini bukan sahaja memberi impak nilai terbaik dari aspek kewangan tetapi menjurus kepada penggunaan mampan dan lestari.

- 5.3. Pelaksanaan GGP juga akan diperluas kepada perolehan kerja bagi projek pembinaan dan pengubahsuaian sebagai pemangkin dalam mewujudkan sektor pembinaan yang lebih mesra alam. Label hijau, reka bentuk dan kaedah, penggunaan bahan mesra alam serta pematuhan kepada piawaian tertentu seperti pHJKR adalah digalakkan untuk memastikan elemen kelestarian menjadi keutamaan.

- 5.4. Secara keseluruhannya amalan SCP melalui pelaksanaan GGP akan menambah baik kecekapan penggunaan sumber dan meningkatkan keberkesanan kos di samping mengurangkan impak negatif kepada alam sekitar.

6. RUMUSAN

- 6.1. Pelaksanaan GGP adalah selari dengan komitmen yang dinyatakan oleh Malaysia untuk mengurangkan tahap pelepasan GHG sebanyak 45% berbanding KDNK menjelang tahun 2030. Galakan kepada adaptasi teknologi hijau, penggunaan produk dan perkhidmatan yang mempunyai penarafan hijau serta membuat reka bentuk bangunan yang mesra alam merupakan antara kaedah untuk mencapai pembangunan mampan dari aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Oleh yang demikian GGP yang telah diperkenalkan sejak tahun 2013 akan diperluaskan lagi melangkaui senarai kumpulan produk dan perkhidmatan GGP 3.0 dengan peluasan melibatkan pelaksanaan perolehan kerja dan diterima pakai sehingga peringkat Kerajaan Negeri serta PBT.

7. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 7.1. Dasar Teknologi Hijau Negara telah diperkenalkan sejak tahun 2009 dan GGP merupakan salah satu instrumen untuk memacu pembangunan ekonomi negara secara lestari. Pada pandangan anda sejauh mana GGP telah dilaksanakan dalam perolehan Kerajaan dan adakah pelaksanaan GGP menyumbang kepada pencapaian aspirasi Dasar Teknologi Hijau

Negara? Apakah halangan yang dikenal pasti menyebabkan pelaksanaan GGP ini dilihat kurang berjaya?

- 7.2. Skim Pengiktirafan MyHIJAU Mark telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Kumpulan produk serta perkhidmatan yang mempunyai pensijilan/ pendaftaran hijau serantau dan antarabangsa telah digabungkan dalam senarai Direktori MyHIJAU untuk dijadikan panduan perolehan hijau dalam sektor awam atau pembelian hijau sektor swasta. Pada pandangan anda, adakah GGP hanya terhad kepada perolehan produk dan perkhidmatan yang mempunyai label/ sijil/ daftar hijau?
- 7.3. Selain daripada penggunaan produk hijau/ berlabel hijau dan pematuhan kepada piawaian penarafan hijau, apakah elemen lain yang perlu diambil kira dalam fasa perancangan sehingga kepada fasa penyiapan bangunan bagi memastikan elemen hijau yang ada pada bangunan kekal dalam jangka masa panjang?
- 7.4. Apakah kaedah yang digunakan oleh syarikat anda untuk mempromosikan produk atau perkhidmatan yang mempunyai elemen perolehan hijau kepada Kerajaan?
- 7.5. MyHIJAU Direktori telah dibangunkan bagi menyenaraikan maklumat asas segala produk atau perkhidmatan yang telah diberikan pensijilan hijau oleh syarikat tempatan bagi memudahkan carian semasa membuat perolehan Kerajaan atau pembelian swasta. Adakah anda mengetahui mengenai perkara ini? Apakah pandangan anda ke atas direktori tersebut?
- 7.6. Antara isu utama yang dikenal pasti semasa pelantikan syarikat/ kontraktor atau penganugerahan tender/ sebut harga adalah pemilihan pembida tanpa mengambil kira elemen GGP sebagai salah satu kriteria pemarkahan dalam proses perolehan. Apakah cadangan anda bagi membantu menyelesaikan isu ini?

- 7.7. Tawaran harga yang tinggi bagi bekalan/ perkhidmatan/ kerja yang menerapkan elemen hijau sering dikaitkan sebagai isu atau halangan pelaksanaan GGP. Pada pandangan anda, mengapakah perkara ini berlaku?
- 7.8. Syor penambahbaikan pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (jika ada).